

Henti bincang hak keistimewaan Melayu: Lee Kim Sai

BH 19 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bekas Timbalan Presiden MCA, Tan Sri Lee Kim Sai, menasihatkan semua pihak supaya berhenti membincangkan isu hak keistimewaan orang Melayu bagi menjamin keharmonian rakyat yang sudah lama terjalin.

Lee yang pernah mencetuskan kemarahan orang Melayu kerana membangkitkan beberapa isu sensitif ketika menarajui Pemuda MCA pertengahan 1980-an, berkata beliau memahami jika orang Melayu sekarang merasa tegang berikutan tindakan pihak tertentu mempersoalkan isu berkenaan.

"Tetapi saya yakin, bagi pihak orang Cina, mereka tidak ada perasaan seumpama itu kerana mereka tidak pernah meminta untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu. Ini semua berlaku kerana wujud salah faham," katanya.

Beliau mengulas pendirian kerajaan yang tidak akan berganjak 'walau satu langkah pun' dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan perkara itu semalam berikutan tindakan beberapa pihak yang kebelakangan ini membangkitkan soal hak keistimewaan orang Melayu.

Ini termasuk tindakan beberapa persatuan Cina mengemukakan semula 17 tuntutan pilihan raya tahun lalu yang antara lain mendesak dimansuhkan perbezaan status Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

Lee berharap semua pihak menghormati pendirian kerajaan kerana kenyataan Dr Mahathir mewakili Barisan Nasional (BN) yang didokong 13 parti komponen lain.

"Ini bermakna pendirian itu juga dibuat berdasarkan persetujuan semua parti BN," katanya.

Seorang lagi pemimpin veteran, Tan Sri Mustapa Jabar berkata, seluruh rakyat tidak kira orang Melayu, Cina atau India

perlu menghormati pandangan Dr Mahathir dalam mengekalkan keharmonian bangsa yang dikecapi selama ini.

"Mereka (Cina) sudah dapat hidup senang di bawah pimpinan Dr Mahathir sekarang, jadi mengapa perlu menimbulkan semula isu ini. Bagi orang Melayu pula, mereka sepatutnya sedar bahawa kita sering bertelagah.

"Sepatutnya, kita (Melayu), sentiasa sedar bahawa kita mempunyai tanggungjawab yang lebih berat yang mesti dilaksanakan menjelang tahun 2020," katanya.

Mustapa yang juga bekas Setiausaha Agung Umno, berkata tuntutan atau kenyataan mengenai isu itu tidak sepatutnya timbul kerana ia hanya menunjukkan perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

Sekiranya isu ini masih berlanjutan, menurutnya, beliau tidak terkejut jika kejadian 13 Mei akan berlaku semula.

Mengenai semangat ketuanan Melayu sekarang berbanding dulu, Mustapa berkata: "Serupa saja tetapi kalau dulu, Melayu menentang penjajah dan di bawah pimpinan Tun Abdul Razak, kita cuba bangunkan negara dari segi infrastruktur dan menubuhkan badan-badan berkanun seperti Mara."

Sementara itu, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, jaminan Perdana Menteri memberi nafas baru dalam mengembalikan keyakinan Melayu terhadap semangat ketuanan bangsanya.

Beliau berkata, menjadi tanggungjawab semua orang Melayu untuk kembali bersatu supaya tidak menjadi bangsa yang lemah, akibat perbuatan sendiri.

"Perdana Menteri dah letakkan asas yang kukuh untuk masa depan orang Melayu terutama dari segi ekonomi, pendidikan dan politik. Kini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberi sokongan kepada kepemimpinannya," katanya.

Kesatuan Pekerja-Pekerja

Keretapi Tanah Melayu Berhad dalam satu kenyataan turut menyatakan sokongan pada kepada Perdana Menteri.

"Kami sedar negara hari ini merangkumi rakyat berbilang kaum, namun hak-hak istimewa orang Melayu atau Bumiputera tidak perlu diungkit dan wajib dipertahankan," kata Presidennya Abdul Razak Md Hassan.

Abdul Razak berkata kesatuan itu akan menghantar memorandum mengenai perkara berkenaan kepada Perdana Menteri selain akan membangkitkan isu itu pada mesyuarat Majlis Kongres, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan menggesa MTUC mengadakan sidang kongres tergepar secepat mungkin.

Di JERTIH. Gerakan Belia 4B Malaysia Negeri Terengganu, berikrar menyokong penuh keputusan kerajaan untuk mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Pengerusinya, Datuk Syed Ahmad Syed Kassim, berkata pihaknya bangga dengan ketegasan kerajaan yang tidak mahu berganjak dengan tuntutan pihak tertentu terhadap isu berkenaan.

"Kita akan menentang sebarang cubaan pihak tertentu yang sedang berusaha untuk menjatuhkan martabat dan maruah bangsa Melayu," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Ke-13 Belia 4B Kawasan Besut hari ini.

Syed Ahmad juga meminta kerajaan mengkaji semula status kedudukan mana-mana ahli majlis Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen 11) dan pertubuhan lain milik kerajaan yang dikenal pasti cuba menimbulkan masalah terhadap keselamatan negara dengan membangkitkan isu sensitif.

Gerakan Belia 4B Kawasan Besut, dalam mesyuarat agungnya meluluskan usul tergepar mendesak kerajaan mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu seperti yang termaktub dalam perlembagaan negara.